



UNIT PENGINAPAN LUAR KAMPUS & KEBAJIKAN PELAJAR

Perincian Perkhidmatan Kecemasan &
Kesihatan bagi Kampus Bestari Jaya

PENGENALAN

- Sebelum ini, portfolio bantuan kewangan, insuran, kecemasan dan kesihatan pelajar adalah diurus oleh Unit Kebajikan Pelajar.
- Melalui proses pengstruktur semula Bahagian Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti (HEP), portfolio **Insuran, Kecemasan dan Kesihatan Pelajar** telah diamanahkan kepada **Unit Penginapan Luar Kampus dan Kebajikan Pelajar**.
- Portfolio **bantuan kewangan** seperti pinjaman PTPTN, MARA, Yayasan dan lain-lain telah diamanahkan kepada **Unit Bantuan Kewangan, Keusahawanan dan Disiplin**.

SKOP UNIT

- Terbahagi kepada 2 skop Utama :
 - * Penginapan Luar Kampus (Non- Resident).
 - * Kebajikan Pelajar.
- **Perincian Skop Kebajikan Pelajar.**
 - * Kes Kecemasan/Klinik (Kesihatan).
 - * Pantau operasi perjalanan klinik & kecemasan.
 - * Skim Insuran menepati keperluan kebajikan pelajar (mulai 2017).
 - * Melawat & mengurus dokumentasi pelajar yang terlibat dalam kes kecemasan & kesihatan.
 - * Penyelaras jawatankuasa kebajikan pelajar dengan penglibatan Felo Residen.

KLASIFIKASI KES

- Kecemasan
- Kesehatan
- Warded
- Rawatan Susulan

KES KECEMASAN

<u>WAKTU PEJABAT</u>	<u>SELEPAS WAKTU BERKERJA & CUTI AM</u>
<p>Kemalangan atau kecederaan serius. Tidak sedar diri. Serangan sawan. Kebakaran. Kecelaruan Mental. Histeria/gangguan makhluk halus (rawatan alternatif).</p>	<p>Kemalangan atau kecederaan serius. Susah bernafas/Athma/Tercekik. Tidak sedar diri. Demam panas berpanjangan. Sakit perut yang teruk. Cirit birit & muntah berterusan. Sakit dada/Sakit dada kerana batuk. Pendarahan. Serangan sawan. Kebakaran. Kecelaruan Mental. Histeria/gangguan makhluk halus (rawatan alternatif).</p>

*Pengesahan adalah tertakluk kepada pemerhatian/pemeriksaan awal serta budibicara kakitangan/Felo yang diberi amanah.

TINDAKAN KES KECEMASAN

<u>WAKTU PEJABAT</u>	<u>SELEPAS WAKTU BERKERJA & CUTI AM</u>
<p>Siswa/Siswi Kampus BJ yang memerlukan rawatan kecemasan pada WAKTU PEJABAT.</p> <p><u>Jika berlaku di Fakulti:</u> hendaklah memberitahu/tindakan oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar, fakulti masing-masing.</p> <p><u>Jika berlaku di Kolej Kediaman:</u> hendaklah memberitahu/tindakan oleh pihak Kolej Kediaman.</p> <p>Kes Kecemasan kemudiannya perlu dimaklum oleh Fakulti/Kolej Kediaman dalam group Whatapps berkaitan untuk makluman/tindakan seterusnya Unit ini.</p>	<p>Felo Residen bertindak mengurus penghuni Kolej Kediaman memerlukan rawatan kecemasan ke klinik/hospital.</p> <p>Kes Kecemasan terutama selepas jam 10 malam, penghuni Kolej Kediaman diwajibkan menaiki kenderaan UNISEL yang dikhaskan , kecuali dengan kebenaran Felo Residen untuk menggunakan kenderaan sendiri.</p> <p>Kes Kecemasan yang memerlukan ambulans perlu diurus segera dan pemakluman kepada Unit ini.</p>

KES KESIHATAN

- Selain dari kes kecemasan yang disenaraikan dianggap **Kes Kesihatan** bertaraf ***GP (General Practice)***.
- **TIDAK DIANGGAP** Kes Kecemasan.
- **Pelajar perlu mengurus sendiri** untuk ke Klinik/Hospital.

TINDAKAN KES KESIHATAN

- **Pelajar perlu mengurus sendiri** untuk ke Klinik/Hospital.
- Mulai 16/11/2016, akan ada klinik panel dengan pelajar yang menggunakan kaedah **Skim Perubatan Pelajar UNISEL (SPPU)** sama seperti pelajar Kampus Shah Alam. (*mohon rujuk brosur SKPU*)
- Pelajar menginap Kolej Kediaman, **perkhidmatan Van UNISEL** membawa pelajar ke klinik untuk kes kesihatan hanya pada **9.30 pagi & 8.00 malam setiap hari**.
- Pelajar perlu menunggu di Pos Pengawal Siswi. Van akan bergerak selepas 15 minit menunggu pelajar.

KAEDAH DAPATKAN RAWATAN KLINIK PANEL

(mohon rujuk brosur SKPU)

- Buat pendaftaran dengan menunjuk **kad matrik**.
- Klinik akan semak dan pengesahan nama pelajar di sistem e-klinik.
- Pelajar buat **bayaran RM 3.00**.
- Dapatkan rawatan, ubat-ubatan & sijil MC (jika berkaitan).
- Jumlah maksimum kos rawatan adalah RM 35.00 bagi seorang pelajar, setiap kali rawatan.

KES *WARDED*

- Selepas Kes Kecemasan pelajar diurus, didapati pelajar perlu *warded*.
- Felo/Pensyarah/Staf akan maklumkan kepada Unit Penginapan Luar Kampus & Kebajikan Pelajar untuk urusan seterusnya bersama keluarga/waris pelajar.
- Semua kes *warded* seterusnya perlu diurus oleh keluarga/waris pelajar.

KES RAWATAN SUSULAN

- Dari kes kecemasan/kesihatan, jika mendapati pelajar perlukan rawatan susulan, rawatan perlu **diurus oleh pelajar sendiri** atau keluarga/waris pelajar.
- Semua kes rawatan susulan **dinasihatkan** untuk pelajar **pulang** ke pangkuan keluarga dan dapatkan rawatan sehingga sembuh.

- Pelajar perlu membezakan antara Kes Kecemasan, Kes Kesihatan, Kes *Warded* dan Kes Rawatan Susulan.
- Semua gerak kerja ini adalah tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.
- Sebarang pertanyaan dialukan menulis email ke alamat nr_hep@unisel.edu.my

**SEMOGA KITA SEMUA DALAM LINDUNGAN TUHAN DAN
SENTIASA SIHAT SEPANJANG MENIMBA ILMU 😊**